

19/07/2002

Forum mengubah minda mengenai Islam

KUALA LUMPUR, Khamis - Forum Antarabangsa Kuala Lumpur mengenai Islam (Kalif) yang akan bermula esok dilihat sebagai satu permulaan kepada usaha yang progresif dalam memperjuangkan Islam di mata dunia.

Sebagai penganjur kepada forum yang julung kali diadakan itu, Malaysia juga dikatakan sebagai negara yang proaktif ke arah menangani dan menghadapi segala cabaran yang dihadapi umat Islam secara global.

Prof Madya dalam Falsafah dan Pengajian Islam, Universiti Virginia Komanwel dari Amerika Syarikat Dr Amina Wadud, berkata Kalif dapat menjadi penggerak kepada reformasi minda masyarakat terhadap pemahaman Islam.

"Forum ini dilihat sebagai titik permulaan kepada kemungkinan perubahan minda mengenai Islam di kalangan intelek dan seterusnya kepada masyarakat umum serta polisi kerajaan," katanya ketika ditemui di Hotel Sheraton Imperial di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan di forum itu esok.

Kalif juga adalah himpunan intelek dengan pakar daripada pelbagai bidang, bukan saja dalam bidang agama Islam tetapi juga dalam Sains Politik, Undang-Undang, Sosiologi dan Antropologi.

Amina berkata, forum seperti Kalif dapat memberi peluang kepada pakar dalam pelbagai bidang terutama agama Islam mengumpul maklumat yang dapat digunakan bagi tujuan pemahaman Islam yang sebenar.